KOSMO! AHAD 16 OKTOBER 2016

Tengku Amir Shah sempurna istiadat pemasyhuran

Kosmo
16/10/16
m/s 4

KERATAN *Kosmo!* 9 Oktober 2016.

Oleh SUHANA MD. YUSOP

KLANG – Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menyempurnakan Istiadat Menjunjung Duli sempena pemasyhuran gelaran baginda di Balairung Seri, Istana Alam Shah di sini semalam.

Istiadat tersebut dilakukan apabila baginda kembali semula ke istana menghadap Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah setelah keluar meninggalkan negeri ini selama tujuh hari selepas dimasyhur pada 8 Oktober lalu, seperti amalan yang ditetapkan.

Tengku Amir Shah berangkat memasuki pekarangan Balairung Seri sambil menjunjung Keris Kebesaran Duli Yang Amat Mulia Raja Muda Selangor, keris yang dianugerahkan kepada baginda oleh Sultan Sharafuddin semasa istiadat pemasyhuran.

Ketika menjunjung duli, Tengku Amir Shah yang juga Raja Muda ketujuh turut mempersembahkan bingkisan cenderamata kepada ayahanda baginda sambil disaksikan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin yang turut berangkat ke istiadat berkenaan.

TENGKU AMIR SHAH (tengah) mempersembahkan bingkisan cenderamata kepada Sultan Sharafuddin pada Istiadat Menjunjung Duli di Balairung Seri, Istana Alam Shah, Klang semalam. Turut berangkat Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin (belakang, kanan).

Sultan Sharafuddin kemudian berkenan menerima cenderamata tersebut disusuli kucupan tangan baginda oleh Tengku Amir Shah yang juga anakanda ketiga Sultan Selangor.

Istiadat menjunjung duli itu turut disaksikan kerabat-kerabat diraja lain. Hadir sama Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, barisan Exco dan Anggota Dewan Undangan Negeri Selangor serta pegawai-pegawai kerajaan.

Istiadat berkenaan kemudian disusuli pula ucapan sembah tahniah oleh Tengku Indera Setia Selangor, Tengku Ahmad Shah, mewakili waris-waris dan kerabat-kerabat diraja.

Dalam ucapan berkenaan, Tengku Ahmad Shah memuji Tengku Amir Shah yang sering menjalankan kewajipan sebagai Putera Raja berjiwa rakyat dengan menyertai acara-acara bersama rakyat selain membantu golongan kurang berkemampuan.

Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyes Abdul Wahid membacakan doa sejurus istiadat menjunjung duli selesai.